

16 AUG 2002

Haji-Kempen

TABUNG HAJI ANJUR KEMPEN MENABUNG DAN MENUNAIKAN HAJI

KANGAR, 16 Ogos (Bernama) -- Tabung Haji akan menjalankan kempen jangka panjang bagi menggalakan umat Islam menunaikan fardu haji menggunakan perkhidmatan lembaga itu, kata Pengerusi Tabung Haji Tan Sri Zainol Mahmood.

Beliau berkata kaedah yang digunakan bagi menarik minat umat Islam menabung termasuk pengagihan gambar-gambar keindahan Tanah Suci kepada orang ramai serta gambar Perdana Menteri yang sedang menunjukkan buku tabungan Tabung Hajinya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menabung melalui potongan gaji setiap bulan, katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan zakat Tabung Haji kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) di Istana Arau hari ini.

Zainol menyampaikan zakat berjumlah RM224,624.72 itu kepada Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Syed Sirajuddin Putra Jamalullail selaku Yang Dipertua MAIPs.

Menurutnya gambar para pemimpin peringkat negeri bersama buku tabungan masing-masing juga akan dipamerkan khususnya bagi kempen di peringkat negeri.

Zainol berkata setakat ini, Tabung Haji mengumpul tabungan berjumlah RM10.3 billion daripada 4.3 juta pendeposit dan angka itu dijangka terus meningkat berdasarkan kempen-kempen yang dijalankan.

Mengenai persiapan musim haji akan datang, beliau berkata, Malaysia akan berunding dengan Arab Saudi untuk mendapatkan kuota yang lebih tinggi berbanding 28,000 jemaah pada musim lalu.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin akan mengetuai delegasi Malaysia bagi membincangkan kuota haji dan infrastruktur lain termasuk penginapan, pada 23 Ogos ini, katanya.

Mengenai tawaran Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim untuk membekalkan 250 tenaga sukarelawan sebagai tukang masak dan penunjuk arah pada musim haji akan datang, Zainol berkata Tabung Haji sedia mengkajinya.

"Kami amat berterima kasih di atas tawaran itu apatah lagi ia tidak akan membabitkan kos Tabung Haji," katanya.

Menurutnya tenaga sukarelawan seumpama itu amat penting terutama ketika jemaah Haji dari seluruh dunia berkumpul di Mina.

-- BERNAMA

AD LAT